

20 Ogos 2024

Pelanggan yang dihormati,

Semakan Siri Golf CIMB Preferred 2024 – Terma dan Syarat Pertandingan

Kami dengan ini memberi notis dua puluh satu (21) hari kalendar bahawa Siri Golf CIMB Preferred 2024 – Terma dan Syarat Pertandingan telah dipinda dan pindaan akan berkuat kuasa dan mengikat pada **10 September 2024**.

Untuk memudahkan rujukan, satu penjadualan bagi pindaan/fasal yang dipinda disediakan dalam jadual di bawah.

Fasal No.	Pindaan
Fasal 29 (Pindaan)	Sekiranya pertandingan berakhir dengan seri, penentuan kedudukan akan dibuat berdasarkan kiraan balik dengan memulakan dari: a. Handicap terendah. b. Skor dari 9 lubang terakhir, 6 lubang terakhir, 3 lubang terakhir, dan 1 lubang terakhir.
Fasal 30 (Baru)	Sembilan (09) lubang terakhir akan sentiasa merujuk kepada lubang 10 hingga 18 pada kad skor, tanpa mengira di mana dan bagaimana Peserta Layak memulakan permainan. Walau bagaimanapun, sekiranya Pertandingan tidak menyelesaikan 18 lubang, sembilan (09) lubang atau enam (06) lubang atau tiga (03) lubang terakhir akan merujuk kepada sembilan (09) lubang atau enam (06) lubang atau tiga (03) lubang terakhir yang telah diselesaikan sepenuhnya oleh Peserta Layak yang berkenaan.
Fasal 33 (Tambah)	CUACA CUACA, PENANGGUHAN PERMAINAN <u>DAN PERTANDINGAN DIPENDEKKAN</u> Jawatankuasa Pertandingan akan berusaha sebaik mungkin untuk menyelesaikan Pertandingan ini sepenuhnya. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Pertandingan berhak untuk menangguhkan atau membatalkan permainan sekiranya keadaan cuaca memerlukan tindakan tersebut. Sekiranya berlaku keadaan yang tidak dijangka di mana padang tidak dapat dimainkan dan/atau permainan dibatalkan dan/atau keadaan lain yang memerlukan tindakan sedemikian, Jawatankuasa Pertandingan akan membuat keputusan mengenai kesinambungan Pertandingan atau sebaliknya. <u>Sekiranya Jawatankuasa Pertandingan memutuskan untuk membatalkan Pertandingan sebelum selesai 18 lubang, skor akan dikira berdasarkan bilangan minimum lubang yang dimainkan oleh semua Peserta Layak. Semua Peserta Layak akan dimaklumkan sewajarnya.</u>

Pemadaman:-

Fasal No.	Pemadaman
Fasal 29	Sekiranya terdapat sebarang keadaan yang boleh menyebabkan pusingan tidak selesai, penentuan pemenang akan diadili oleh Jawatankuasa Pertandingan.

Sila rujuk laman web kami di www.cimbpreferred.com.my untuk mendapatkan salinan Terma & Syarat yang telah dipinda.

Terima kasih.

Pihak Pengurusan

CIMB Bank Berhad